

9 PROJEK RUMAH SELANGORKU DIBATALKAN

[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]



Noh menyampaikan sumbangan kepada penduduk pada Majlis Sumbangan Tahun Baharu Cina dan Cermin Mata Percuma di Pasir Penambang, semalam.

'Pembatalan tak masuk akal'

➔ Kerajaan Selangor didesak beri penjelasan kepada rakyat

Oleh **Khairul Azran Hussin**
khaiazr@bh.com.my

■ Kuala Selangor

Kerajaan Selangor didesak menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat negeri ini susulan pembatalan sembilan projek Rumah Selangorku.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar

berkata, adalah tidak masuk akal projek itu dibatalkan selepas dua tahun pembinaannya diluluskan.

Malah, katanya, percanggahan kenyataan membabitkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad Samad turut menimbulkan pelbagai persoalan.

"Mula-mula EXCO (Iskandar) cakap projek Rumah Selangorku ada masalah kebenaran merancang. Beberapa hari selepas itu, Mohamed Azmin menyalahkan pemaju perumahan sebagai punca projek ini dibatalkan.

Cari salah pihak lain

"Kenapa selepas dua tahun baru batal? Apa pun sudah lumrah sikap pemimpin pakatan pembangkang, mereka tidak akan mengaku kesilapan sen-

diri, sebaliknya mencari salah pihak lain untuk menutup kesilapan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan Majlis Sumbangan Tahun Baharu Cina dan Cermin Mata Percuma di Pasir Penambang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Datuk Sulaiman Abdul Razak dan Ketua MCA Tanjung Karang, Datuk Phua Boon Chun.

Pembeli berputih mata

Noh yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor berkata, rakyat di negeri ini berasa tertipu selepas pembinaan projek Rumah Selangorku dibatalkan.

"Ramai pembeli terpaksa berputih mata dan saya difahamkan mereka sudah membuat pinjaman bank.

"Selain itu, dasar kerajaan ne-

geri yang mengenakan kadar premium tanah yang tinggi walaupun ia projek untuk manfaat rakyat memburukkan lagi keadaan ini," katanya.

Selasa lalu, Kerajaan Selangor membatalkan sembilan projek Rumah Selangorku membabitkan tiga projek di Kajang, dua di Selangor dan masing-masing satu projek di Subang Jaya, Shah Alam, Ampang Jaya dan Klang.

Iskandar berkata, keputusan itu dibuat pada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku berikutan kegagalan pemaju mendapatkan Kebenaran Merancang dalam tempoh dua tahun daripada tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin enggan mengakui kelemahan urus tadbirnya apabila menyalahkan pihak pemaju sebagai punca kegagalan projek Rumah Selangorku.